

**Bil. 6**

**Selasa**

**24 Mei 2016**



**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

*Parliamentary Debates*

## **KAMAR KHAS**

*Special Chamber*

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KEEMPAT  
MESYUARAT KEDUA**



## K A N D U N G A N

### **PERBAHASAN USUL DI BAWAH P.M. 18(1):**

Banjir Kilat di Kuala Lumpur - *YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar (Lembah Pantai) – m.s. 1*

### **UCAPAN DI BAWAH USUL BEKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:**

- Mengkaji Semula Fungsi GLC - *YB. Tuan Er Teck Hwa (Bakri) - m.s. 17*
  
- Masalah Banjir Kilat di Taman Bukit Emas, Senawang - *YB. Tuan Teo Kok Seong (Rasah) - m.s. 19*



**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N. [Kuala Krau] - UMNO

**MENTERI**

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K. [Bagan Datok] - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P. [Bentong] – MCA
4. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K. [Segamat] - MIC
5. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mah Siew Keong, A.M.P., D.P.M.P., S.M.W [Telok Intan] – GERAKAN
6. “ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. [Padang Rengas] - UMNO
7. “ Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M [Sembrong] – UMNO
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa Mohamed [Jeli] - UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kota Marudu] – PBS
10. “ Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S. [Betong] – PBB
11. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek [Kemaman] – UMNO

12. Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
13. “ Menteri Kewangan II, Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] - UMNO
14. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kimanis] - UMNO
15. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. [Jerai] - UMNO
16. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.S.M., S.S.A.P., S.P.D.K., P.G.D.K., J.P. [Pensiangan] - PBRs
17. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K. [Tuaran] – UPKO
18. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S. [Selangau] – PRS
19. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B. [Batang Lupar] - PBB
20. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S. [Petrajaya] - PBB
21. “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. [Serian] - SUPP
22. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] - UMNO
23. “ Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
24. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] - UMNO
25. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan – *Senator*
26. “ Menteri Belia dan Sukan, Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] - UMNO
27. “ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. [Kota Belud] – UMNO

28. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N. [Batang Sadong] - PBB
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Abdul Wahid Omar - *Senator*
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. [Ayer Hitam] - MCA
31. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] - UMNO
32. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M. [Santubong] - PBB
33. “ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap] – UMNO
34. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak – *Senator*
35. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said, D.P.M.K. [Pengerang] – UMNO
36. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] – MCA

#### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [*Kosong*]
2. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Saravanan A/L Murugan [Tapah] – MIC
3. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] – UMNO
4. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] - UMNO
5. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
6. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato’ Sri Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. [Mambong] – PBB
7. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Lee Chee Leong – *Senator*

8. Yang Benar Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] – MCA
9. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun [Beaufort] – UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya [Balik Pulau] – UMNO
11. “ Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggara] – UMNO
12. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] – UMNO
13. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Kosong]
14. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan – *Senator*
15. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N. [Ledang] – UMNO
17. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K., P.M.W. [Hulu Selangor] – MIC
18. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] – UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] – PBS
20. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, , S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P. [Maran] – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] – PBB
22. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M. [Tangga Batu] – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun – *Senator*
24. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K. [Kubang Pasu] – UMNO

25. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermeyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M [Masjid Tanah] – UMNO
26. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulai] – UMNO
27. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Asyraf Wajdi bin Dato’ Dusuki – *Senator*
28. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Tuan Chong Sin Woon – *Senator*
29. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO
30. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N. [Machang] – UMNO
31. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Masir Anak Kujat, P.P.B. [Sri Aman] – PRS
32. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S. [Titiwangsa] - UMNO
33. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] – SPDP

#### **AHLI-AHLI (BN)**

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS
2. “ Dato’ Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO
3. “ Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] - UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K. [Baling] - UMNO
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P. [Kalabakan] – UMNO
6. “ Dato’ Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. [Paya Besar] - UMNO
7. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
8. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] - UMNO
9. “ Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [lgan] - PBB
10. “ Dato’ Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO

11. Yang Berhormat Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. [Jasin] - UMNO
12. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB
13. “ Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] - UMNO
14. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] - UMNO
15. “ Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] - UMNO
16. “ Tuan Anyi Ngau [Baram] - SPDP
17. “ Datuk Bung Mokhtar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K. [Kinabatangan] - UMNO
18. “ Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] - UMNO
19. “ Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] – UMNO
20. “ Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K [Ranau] - UPKO
21. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] - PBB
22. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
23. “ Dato’ Hasan bin Arifin, D.S.A.P. [Rompin] – UMNO
24. “ Dato’ Sri Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P [Kuala Pilah] - UMNO
25. “ Dato’ Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] - PBB
26. “ Dato’ Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P [Tanah Merah] - UMNO
27. “ Dato’ Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] - UMNO
28. “ Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] - UMNO
29. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] - PBS
30. “ Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N. [Julau] - PRS
31. “ Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] - UMNO
32. “ Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO
33. “ Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] - MCA
34. “ Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA
35. “ Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] - GERAKAN

36. Yang Berhormat Datuk Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] - PBS
37. “ Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik] -UMNO
38. “ Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] - UPKO
39. “ Dato’ Haji Mohd Fasiah bin Mohd. Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] - UMNO
40. “ Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] – UMNO
41. “ Dato’ Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P. [Semporna] - UMNO
42. “ Dato’ Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] - UMNO
43. “ Dato’ Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. [Mukah] – PBB
44. “ Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. [Pagoh] - UMNO
45. “ Dato’ Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] - UMNO
46. “ Datuk Seri Haji Noh bin Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] - UMNO
47. “ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] - UMNO
48. “ Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO
49. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis] - PBB
50. “ Dato’ Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] - UMNO
51. “ Puan Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N. [Pasir Gudang] - UMNO
52. “ Dato’ Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K., A.M.K. [Pendang] - UMNO
53. “ Dato’ Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K. [Jerlun] – UMNO
54. “ Datuk Seri Palanivel A/L K. Govindasamy, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. [Cameron Highlands] - MIC
55. “ Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO
56. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO
57. “ Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB
58. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] - UMNO

59. Yang Berhormat Datuk Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] - UMNO
60. “ Ir. Shaharuddin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
61. “ Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
62. ” Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
63. “ Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S. [Tampin] - UMNO
64. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] - UMNO
65. “ Dato’ Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P. [Bintulu] - SPDP
66. “ Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang] - PRS
67. “ Datuk Wee Jeck Seng, D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
68. “ Datuk William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. [Lubok Antu] - PRS
69. “ Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S [Saratok] - SPDP
70. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
71. “ Dato’ Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jelebu] – UMNO
72. “ Kuala Kangsar [*Kosong*]
73. ” Sungai Besar [*Kosong*]

#### **AHLI-AHLI (PKR)**

1. Yang Berhormat Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]
2. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
3. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
4. “ Dato’ Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
5. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
6. “ Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]
7. “ Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]
8. “ Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]
9. “ Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]
10. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]

11. Yang Berhormat Dato' Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]
12. " Dato' Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
13. " Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]
14. " Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]
15. " Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]
16. " Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
17. " Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]
18. " Datuk Mohd Idris bin Jusri, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]
19. " Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
20. " Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]
21. " Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]
22. " Tuan R. Sivarasa [Subang]
23. " Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
24. " Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
25. " Dato' Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
26. " Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, D.P.P.N. [Permatang Pauh]
27. " Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
28. " Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
29. " Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

#### **AHLI-AHLI (DAP)**

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. " Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
3. " Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
4. " Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
5. " Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
6. " Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
7. " Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
8. " Tuan Ko Chung Sen [Kampar]
9. " Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
10. " Tuan Lim Guan Eng [Bagan]

11. Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
12. “ Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
13. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
14. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
15. “ Dato’ Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]
16. “ Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]
17. “ Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
18. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
19. “ Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
21. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
22. “ Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]
23. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
24. “ Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]
25. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]
26. “ Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]
27. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]
28. “ Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
29. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
30. “ Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
31. “ Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
32. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai]
33. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
34. “ Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]
35. “ Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
36. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
37. “ Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

#### **AHLI-AHLI (PAS)**

1. Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]
2. “ Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. “ Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. “ Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. “ Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]

7. Yang Berhormat Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]
8. “ Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P. [Kuala Nerus]
9. “ Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
10. “ Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
11. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
12. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
13. “ Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
14. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]

**AHLI-AHLI (AMANAHAH)**

1. Yang Berhormat Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
2. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
3. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
4. “ Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
5. “ Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
6. “ Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]

**PSM**

1. Yang Berhormat Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]

**BEBAS**

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S., D.S.A.P. [Bandar Tun Razak]

**PARLIMEN MALAYSIA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**  
Datuk Awang Alik bin Jeman

**Setiausaha Dewan Rakyat**  
Datuk Roosme binti Hamzah

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**  
Encik Mohd Sazali bin Mohd Zin

**PETUGAS-PETUGAS**  
**CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd Hassan  
Rosna binti Bujairomi  
Nor Hamizah binti Haji Hassan  
Noraidah binti Manaf  
Siti Norlina binti Ahmad

Suriyani binti Mohd. Noh  
Nor Liyana binti Ahmad  
Zatul Hijanah binti Yahya  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
Hafilah binti Hamid  
Siti Norhazarina binti Ali  
Mulyati binti Kamarudin  
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli  
Sherliza Maya binti Talkah  
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh  
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa  
Nor Kamsiah binti Asmad  
Siti Zubaidah binti Karim  
Aifarina binti Azaman  
Noorfazilah binti Talib  
Farah Asyraf binti Khairul Anuar  
Julia binti Mohd. Johari  
Syahila binti Ab Mohd Khalid  
Ismalinda binti Ismail  
Hazliana binti Yahaya  
Amir Arshad bin Ab Samad  
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed  
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman  
Nurul Fadhilah binti Ibharim  
Hizamihatim Maggiha bin Juara

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
KAMAR KHAS  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KEEMPAT  
MESYUARAT KEDUA**

**Selasa, 24 Mei 2016**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut keputusan yang telah dibuat pada pagi tadi iaitu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) telah dibenarkan untuk dibahas pada petang ini.

Saya sekarang memulakan perbahasan usul ini. Pihak pencadang akan diberikan masa 30 minit, dan bagi pihak kerajaan juga 30 minit. Oleh itu saya menjemput Yang Berhormat bagi kawasan Lembah Pantai, sila kemukakan.

**PERBAHASAN USUL DI BAWAH P.M. 18(1)**

**BANJIR KILAT DI KUALA LUMPUR**

**2.34 ptg.**

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya akan memulakan perbahasan bagi pihak pembangkang dan kemudian disambung di peringkat akhir oleh Ahli Parlimen Segambut, tetapi semuanya merangkumi setengah jam seperti yang dimaklumkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini Kuala Lumpur telah dilanda banjir kilat pada 10 Jun 2007, 7 Mac 2012, 10 April dan 10 Oktober 2013, 1 Oktober 2014 dan 5 November 2015. Hampir setiap tahun, ini tidak masuk lagi pada tahun ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, seperti mana usul Yang Berhormat.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Oh, seperti mana usul?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Selepas itu Yang Berhormat boleh huraikan.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Bahawa Dewan ini membahaskan usul mengenai perkara tertentu, berkepentingan orang ramai dan perlu disegerakan iaitu kerosakan kenderaan, harta dan kerugian orang awam akibat banjir kilat di Kuala Lumpur serta langkah keselamatan untuk warga kota menghadapi banjir kilat di ibu kota.

Kuala Lumpur Tuan Yang di-Pertua, telah dilanda banjir kilat pada 12 Mei terkini, 2016. Empat buah jalan utama ibu kota telah dilanda banjir termasuk dua buah jalan dalam kawasan Parlimen Lembah Pantai iaitu di Jalan Bangsar dan juga Jalan Pantai Baru. Air banjir naik hampir semeter telah menenggelamkan hampir lebih 100 buah kenderaan yang terperangkap. Pengguna jalan raya menghadapi kerugian dan perlu memperbaiki kenderaan mereka yang rosak dengan kos yang agak tinggi.

Pengguna jalan raya memfailkan saman sebelumnya terhadap DBKL menuntut ganti rugi kerosakan kenderaan, tetapi kalah atas sebab teknikal. DBKL enggan membayar ganti rugi kerosakan kenderaan akibat banjir kilat. Maka, tiada cara warga kota boleh berharap apabila banjir kilat mengakibatkan kerosakan terhadap harta benda yang begitu bernilai.

Kenderaan tidak boleh dihidupkan akibat kerosakan enjin dan kemusnahan daripada segi barangan elektronik, tempat duduk dan gasket enjin antara lainnya. Pindaan rang undang-undang yang berkaitan dengan DBKL dan Kementerian Wilayah Persekutuan seperti *act of God* yang tertera, menyatakan DBKL tidak bertanggungjawab atas kerosakan kenderaan akibat bencana alam. Ini perlu disegerakan demi kepentingan awam.

Empat buah sekolah juga dalam kawasan Parlimen Lembah Pantai terjejas dan mengalami kerosakan harta benda akibat banjir kilat iaitu SJK(C) St. Teresa, SMK La Salle, SK La Salle 1 & 2 dan keselamatan pengguna jalan raya amat berisiko tinggi. Ini dilihat apabila 11 orang mangsa diselamatkan termasuk seorang wanita OKU yang pitam akibat sesak nafas.

Diharapkan perbahasan usul ini Tuan Yang di-Pertua, mampu menyelesaikan masalah kerosakan kenderaan orang awam dan kerosakan lain akibat banjir kilat. Kita juga dapat membahaskan langkah efektif untuk keselamatan warga kota dalam menghadapi masalah banjir kilat pada hari mendatang memandangkan masalah ini berkepentingan awam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila huraikan huraian.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Baik. Saya sebut tadi kalau dilihat sejarah dari tahun 2007 hinggalah 2016, hampir setiap tahun Kuala Lumpur akan dilanda banjir kilat walaupun perancangan pengurusan ini dilakukan. Terkini dimaklumkan oleh Datuk Bandar bagi pihak DBKL dan Kementerian Wilayah Persekutuan tidak mahu dan enggan membayar pampasan kepada pengguna jalan raya bagi insiden terkini iaitu pada 12 Mei 2016.

Semua mangsa yang terjejas akibat banjir kilat di ibu kota boleh menyaman pihak berkuasa tempatan di mahkamah, namun perlu mempunyai bukti yang disokong oleh pakar berkaitan. Peguam di firma guaman swasta, Shahrizan Johan berkata mangsa perlu mengemukakan bukti berkaitan kecuaiian atas kelonggaran tanggungjawab PBT sehingga menyebabkan berlakunya bencana sedemikian.

Akan tetapi, saya rujuk ya kerana menurut laman web DBKL dan undang-undang sedia ada, DBKL tidak bertanggungjawab ke atas kemalangan yang disebabkan oleh bencana alam atau *act of God* seperti ribut, hujan dan sebagainya. DBKL hanya bertanggungjawab sekiranya terbukti kemalangan tersebut disebabkan kecuaiian seperti berlaku bukan semasa hujan lebat atau tiada ribut taufan dan jikalau DBKL tidak menyelenggarakan pokok-pokok dengan baik. Maka, pihak insurans melalui *adjuster* akan melakukan siasatan dan keputusan sekali lagi tertakluk kepada siasatan pihak insurans. Malangnya, Datuk Bandar enggan menguruskan kerosakan harta awam dan menegaskan bukan tanggungjawab DBKL atas kerosakan kenderaan banjir kilat.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya undang-undang dan pindaan yang wujud yang memberi perlindungan kepada DBKL ini pasca kejadian tragedi Highlands Towers. Ketika itu, Hakim Datuk James Foong di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur di Wisma Denmark memutuskan tujuh daripada sepuluh orang responden yang disaman oleh mangsa sebenarnya cuai.

Maksudnya, dengan izin, *they were justified, they were proven right*. Malangnya undang-undang yang dipinda bertentangan dengan keputusan mahkamah yang sebenarnya memberikan perlindungan kepada pihak berkuasa tempatan. Jadi pada saya, bila masa Menteri Sumber Alam Asli dan Alam Sekitar sendiri telah mengakui kelemahan DBKL, menyatakan saluran air selalunya hanya boleh menampung 80 milimeter dalam satu jam.

#### ■1440

Akan tetapi, hujan lebat pada 12 Mei 2016, antara 120 milimeter hingga 140 milimeter dalam tempoh satu jam dan berterusan selama dua jam dan akhirnya yang disebut oleh Menteri pihak berkuasa tempatan harus lebih prihatin dan memastikan perparitan dan segala infrastruktur itu bersesuaian dengan keperluan.

Saya juga rujuk perkara ini bukan perkara baru. Dalam pertemuan kami dengan Datuk Bandar Kuala Lumpur, kami telah mendapat kelulusan projek penaiktarafan perparitan hampir lebih setahun lalu khusus untuk Jalan Bangsar. Akan tetapi dalam pertemuan terkini iaitu pada dua minggu lepas, saya dimaklumkan bahawa Projek Perparitan Jalan Bangsar hanya baru dikeluarkan tender.

Maksudnya kita seolah-olah *we are waiting before the next calamity takes place without actually the work to protect and to preserve that is being done*, Tuan Yang di-Pertua. Sememangnya mangsa boleh mendapatkan pakar-pakar dalam bidang kejuruteraan, keterangan yang diberikan berdasarkan bukti daripada saksi dan sebagainya boleh sahaja diguna pakai tetapi proses ini melibatkan kos yang amat tinggi.

Kalau kita lihat kenderaan yang tenggelam di depan Universiti Malaya, kenderaan teksi, saya tidak fikir mereka ini punyai kebolehan sumber kewangan untuk cuba mendapatkan pampasan itu pun kalau menang.

Justeru, saya juga bangkitkan sehingga ke hari ini DBKL masih gagal mengemukakan jumlah kerugian yang dialami oleh orang awam dan harta benda awam. Pengarah Eksekutif Perancangan DBKL, Datuk Mohd Najib Mohd mengatakan DBKL masih mengumpul maklumat berkaitan infrastruktur dan juga tindakan efisien ditunggu-tunggu untuk menangani isu banjir kilat di ibu negara. Bagi 115 buah kenderaan yang terjejas dan rosak, tenggelam di dua buah kawasan utama, saya sebut tadi di Pintu Masuk Universiti Malaya dan juga kawasan lain di dalam Lembah Pantai dan kebanyakan motosikal juga mengalami kerosakan di Jalan Pantai Baharu.

Penjelasan Tuan Yang di-Pertua, perlu diberikan mengapa Kementerian Wilayah memerlukan dana sebanyak RM40 juta bagi membina *retention pond* di Pantai Dalam dan Jalan Duta. Apakah keefisienan ataupun kesan apabila Terowong *SMART Tunnel* sepatutnya diguna pakai termasuklah beberapa mekanisme lain berkait dengan projek perparitan dan sebagainya untuk menguruskan masalah banjir di Kuala Lumpur?

Timbalan Perdana Menteri menggesa supaya siasatan kemungkinan wujud unsur rasuah, bukan saya sebut Timbalan Perdana Menteri menyebut dalam projek pembangunan ibu kota sehingga menyebabkan berlakunya banjir kilat khusus dalam projek mega. Menteri Sumber Alam juga menyatakan tidak menolak kemungkinan pembinaan Stesen MRT di kawasan tertentu menjadi faktor banjir kilat.

Maka pada saya sekarang ini, bila dilihat kepada projek MRT yang sekarang menelan belanja RM80 bilion, DBKL harus menunjukkan contoh terbaik bagi bukan sahaja mencontohi insentif seperti Projek Kasih 4U yang menyalurkan bantuan kepada seorang pemandu teksi akibat banjir kilat tetapi sebenarnya bukan sahaja menyaman tetapi bertindak tegas terhadap apa sahaja pelanggaran kepada undang-undang di bawah ke seliaan PBT untuk sebagai contoh yang terbaik. *It must be shown*, dengan izin, *as a method where the developers*, pemaju itu mengambil serius bukannya sekadar tidak endah dengan kesusahan dan banjir yang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, *the starting of unusually intense rainfall has been occurring over the past 10 years*. Tentunya bila bercakap, saya rujuk kepada kata-kata Drainage and Irrigation Department of Malaysia, Director General Datuk Ahmad Husaini Sulaiman, *"I do not think the old system is an issue it is the matter of maintaining it. The drainage has to be approved before a new development start and local council are tasked to ensure the drainage can support a new development and they sometimes approach DID before giving approval"*.

Maka DBKL seperti yang saya katakan haruslah memberi makluman terkini termasuk contohnya ada sistem pengesanan banjir di Pusat Kawalan SMART.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan menyatakan SMART berjaya melencongkan sejumlah 700,000 meter padu air ke Kolam Takungan Berembang bagi mengawal aliran Sungai Klang di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur. Adakah mekanisme lain yang wujud ataupun yang boleh diguna pakai sama seperti FDF untuk mengesan potensi banjir kilat yang berlaku di sekitar Kuala Lumpur.

Saya akan terus kepada permohonan. Pertama, saya pohon agar Datuk Bandar bagi pihak Kementerian Wilayah dan juga DBKL menyatakan kenyataan lebih terbuka bagi membantu orang ramai menguruskan isu banjir.

Kedua, pengguna jalan raya tidak boleh dimangsakan terus atas kecuaiannya dalam kegagalan menyelenggarakan sistem perparitan. Saya memberi contoh tindakan Datuk Bandar Houston, Texas di mana mereka memperkenalkan kawasan berpotensi banjir bagi menjaga keselamatan orang awam lebih awal supaya orang awam dapat bersedia.

Datuk Bandar Houston juga menegaskan punyai tanggungjawab untuk membangun dan melaksanakan strategi, Tuan Yang di-Pertua, perparitan dan banjir yang bakal mengurangkan risiko banjir di bandar. Sama dengan Bogota, Colombia buat perancangan mengurangkan risiko banjir melalui penyediaan pelan pengurusan sungai, output dijangka termasuk penyenggaraan keselamatan baik untuk kerja-kerja sungai melindungi Bogota. Mereka juga ada Jawatankuasa Banjir Bogota.

Jadi saya pohon Kementerian Wilayah dan Datuk Bandar menjelaskan perkembangan terkini bagi kesemua sistem perparitan sebanyak RM96.5 juta yang melaksanakan 15 projek dalam usaha mengatasi banjir kilat pada tahun 2016. Berikan garis panduan dan garis masa juga supaya kita boleh rujuk keberkesanan program dan apakah status terkini pindaan undang-undang. Saya pinta yang berkaitan dengan DBKL dan Kementerian Wilayah supaya DBKL dipertanggungjawabkan atas kerosakan kenderaan sekiranya terbukti kerana keputusan *Highland Towers* itu memberikan justifikasi moral kenapa ini wajib dilakukan.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Yang Berhormat Lembah Pantai, minta penjelasan.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Baik, silakan. Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Terima kasih, Yang Berhormat Lembah Pantai. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ada dua isu untuk berbincang dengan Kementerian Wilayah Persekutuan. Banjir kilat yang akhir-akhir ini paling teruk di kawasan saya Jalan Tunku Abdul Halim...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Segambut hendak berucap ke mencelah?

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Mencilah, okey.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Tumpang dua isu. Tumpang dua isu untuk...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebab saya difahamkan Yang Berhormat Lembah Pantai kata, Yang Berhormat Segambut akan memberikan ucapan juga.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Okey, okey. Terima kasih.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Tuan Yang di-Pertua, kita ini amat teruja dengan sistem Kamar Khas yang baru ini. Jadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya terasa macam kita berada di Mock Court dalam masa di universiti [*Ketawa*] Sila.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Itulah kan saya pun, *alhamdulillah*, sebab dekat ya. Lebih ramah dan dapat jawapan yang bernas, *insya-Allah*. Jadi saya juga ingin menyatakan kita sudah ada jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bagi pihak Kabinet. Jawatankuasa Mengenai Bencana Alam yang bagi membincangkan isu banjir kilat kerana banjir ini berlarutan selama lebih 30 tahun.

Jadi sebaiknya keputusan, kesimpulan daripada kaji selidik jawatankuasa ini haruslah diberikan kepada Parlimen supaya Ahli-ahli Parlimen, ramai yang terkesan dengan masalah banjir merasakan kebanyakan daripada cadangan dan juga tindakan balas itu diambil serius. Maka saya pohon sebelum saya akhiri, bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL, kita ada Timbalan Menteri yang amat baik hati dan sentiasa mengalu-alukan maklum balas daripada kami, cadangan dan sebagainya.

Saya pohon agar dibentangkan laporan kajian risiko banjir kilat di Kuala Lumpur khusus di Lembah Pantai dalam tempoh sebulan daripada tarikh kejadian, kenapakah? Kita supaya dapat bersedia sebelum berlakunya banjir dalam suasana dan cuaca yang tidak menentu menyenaraikan dan mengenakan tindakan undang-undang bagi pemaju yang gagal mematuhi syarat Manual Saliran Mesra Alam Malaysia yang dijadikan garis panduan reka bentuk saliran dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran.

Menjelaskan bilakah DBKL akan memberikan sekurang-kurangnya ruang perbincangan bagi penjelasan bayaran pampasan dan ganti rugi kenderaan yang rosak? Sekiranya tidak pun menunjukkan iltizam politik dalam benar-benar menyiagsikan semua perparitan seluruh Kuala Lumpur. Menjelaskan sama ada DBKL akan menamatkan kontrak dan perjanjian syarikat yang terlibat dalam kes rasuah seperti yang disebut oleh Timbalan Perdana Menteri dalam projek pembangunan yang menyebabkan punca banjir kilat di Kuala Lumpur dan saya sisipkan juga dalam kabel bawah tanah disebut antara sebab kepada berlakunya banjir kilat.

Akhirnya menjelaskan, kos penyenggaraan yang telah diguna pakai secara berfasa dan akan digunakan bagi memperbaiki sistem perparitan di Lembah Klang seperti termaktub Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020, Bab 11: Infrastruktur dan Utiliti dan juga Bab 15: Alam Sekitar.

■1450

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap ini permulaan dan tentunya saya akan menyokong penuh segala pindaan undang-undang bagi memberi sedikit ruang di mana kita benar-benar, bukanlah kita mahu memberi tekanan kepada PBT tetapi hendak memberikan keutamaan kepada kerja-kerja penyelenggaraan dan juga perparitan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pohon Yang Berhormat Segambut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Segambut.

2.50 ptg.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ada dua isu untuk berbincang dengan Kementerian Wilayah Persekutuan berhubung dengan banjir kilat yang berlaku baru-baru ini. Paling teruk di kawasan saya Jalan Tuanku Abdul Halim, nama lama Jalan Duta.

Antara punca-punca banjir kilat yang dilaporkan oleh media daun kering tersumbat, kabel bawah tanah yang haram tersumbat dalam longkang dan juga ada yang melaporkan pembinaan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *development* tidak terkawal dan pembinaan projek MRT di Jalan Duta dan juga ada yang katakan puncunya pelebaran terowong Jalan Duta. Akhirnya ada didakwa oleh Timbalan Perdana Menteri sendiri kata, unsur elemen rasuah dalam projek mungkin punca banjir kilat.

Jadi isu pertama yang saya minta daripada Kementerian Wilayah Persekutuan memberi rakyat khasnya kepada mangsa-mangsa banjir kilat ini, apakah sebenar punca banjir kilat ini yang paling teruk dalam sejarah Kuala Lumpur?

Isu yang kedua, dilaporkan di surat khabar terdapat sekurang-kurangnya 105 buah kenderaan telah tenggelam di Jalan Tuanku Abdul Halim, Jalan Duta sana. Jadi ada pakar-pakar undang-undang yang kata DBKL tidak bertanggungjawab untuk membayar pampasan, ada peguam yang kata boleh *try* nasiblah.

Jadi saya hendak Kementerian Wilayah Persekutuan sebab Menteri Wilayah Persekutuan, Yang Berhormat Putrajaya sendiri telah mengaku *the first thing that he has done*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dia *apologize*, dia minta maaf kepada rakyat. Dia kata minta maaf. Saya rasa kerajaan adalah bertanggungjawab sebab Menteri sendiri telah meminta maaf. Jadi saya menyeru, saya meminta bahawa mangsa kereta-kereta yang telah tenggelam, yang 105 buah ini boleh diberi pampasan sekurang-kurangnya RM1,000 untuk memperbaiki kenderaan atau membeli kusyen yang baru dan sebagainya. Itu saja. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Wangsa Maju.

**2.53 ptg.**

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kita ada peluang membahaskan perkara ini yang sedang berlaku.

Saya masih boleh ingat bila saya masuk universiti 60-an sudah jadi. Banyak tempat kena pada hari itu termasuk pintu masuk Universiti Malaya. Juga apa yang berlaku sekarang, dulu nama lama Jalan Duta kalau belok kiri Jalan Semantan, kadang-kadang ada banjir tetapi bukan begitu teruk seperti hari itu. Juga sekarang saya menyeru, Datuk Bandar pun ada di sini dan pegawai kanan, sekarang jentera-jentera yang mempertingkatkan *drainage* longkang yang kiri sekarang, tiap-tiap hari sesak dengan kereta. Di bawah sana bila hendak belok ke Parlimen, kita ada banyak masalah.

Dulu saya ingat jentera itu yang mempertingkatkan terowong ke Jalan Mahameru sudah siap tetapi hari ini, lorong kiri yang dulu sudah siap, hari ini, pagi ini sesak juga sebab saya pun tidak faham apa sebab sekarang itu jentera mula lagi sekali. So saya hendak minta penjelasan perkara ini sebab saya nampak pagi ini bila saya datang Parlimen, *tractor driver* itu duduk di kabinnya tidak buat apa-apa, dia main dengan *hand phone* saja dan dua tiga orang kakitangan sahaja. Kalau begitu *so called* rajin, perlu berapa lama lagi kita menghadapi masalah? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada yang minat lagi? Baiklah, saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**2.55 ptg.**

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Segambut dan Yang Berhormat Wangsa Maju.

Saya ingin di sini beri sedikit penjelasan berkenaan banjir kilat yang berlaku pada 12 Mei. Butiran kejadian; kejadian banjir kilat di Kuala Lumpur berlaku pada petang 12 Mei, Khamis akibat hujan lebat yang turun pada jam 6.45 petang selama dua jam. Banjir kilat terjadi di Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Duta dan Jalan Pantai Baru, Universiti Malaya.

Latar belakang; sistem sungai-sungai utama yang berada dalam kawasan Kuala Lumpur adalah sepanjang 32.8 kilometer. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bertanggungjawab untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan sungai, manakala kerja-kerja penyelenggaraan struktur dan kapasiti sungai adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS). Terdapat 13 buah kolam takungan banjir di bawah penyelenggaraan JPS, manakala 13 buah kolam takungan banjir lagi adalah di bawah penyelenggaraan DBKL.

Perkara-perkara yang hendak dimaklumkan; jumlah hujan yang turun direkodkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan (JPSWP) dalam tempoh dua jam sebanyak 106.5 milimeter yang telah mengakibatkan paras air naik secara mendadak dan berlaku banjir kilat di kedua-dua kawasan yang dinyatakan. Banjir kilat di Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Duta, paras air didapati naik ke atas jalan bermula dari susur Jalan Duta menghala ke selatan berdekatan persimpangan memasuki Jalan Semantan.

Paras air meningkat sehingga 3 kaki di kawasan ini dalam masa 30 minit selepas hujan bermula. Pada waktu ini, terdapat peningkatan jumlah trafik memasuki kawasan tersebut yang telah mengakibatkan kesesakan lalu lintas dan berlaku kenderaan tersekat dalam aliran air tersebut. Air mula surut dalam masa 30 minit dan keadaan trafik mula lancar bergerak keluar dari kawasan ini. Di kawasan ini terdapat kerja-kerja perparitan induk yang sedang dilaksanakan oleh pihak DBKL dan dijangka siap semuanya pada 1 Ogos 2016.

Banjir kilat di Jalan Pantai Baru, Universiti Malaya. Banjir kilat di Jalan Pantai Baru adalah berpunca daripada limpahan air Sungai Anak Air Batu, Sungai Pantai, dari kolam rekreasi Universiti Malaya dan kawasan bukit hutan simpan yang berhampiran.

Di persimpangan itu juga terdapat *bottleneck* Sungai Pantai berhampiran kolam rekreasi Universiti Malaya yang menyebabkan laluan air tidak lancar dan mengakibatkan limpahan air memenuhi sekitar padang, pos kawalan utama Universiti Malaya hingga ke Jalan Pantai Baru. Air juga didapati bertakung di kawasan ini kerana ketidakupayaan untuk mengalir keluar ke Sungai Klang disebabkan *floodgate* telah berfungsi secara automatik apabila paras air Sungai Klang mencapai tahap berjaga-jaga.

Lanjutan daripada itu, beberapa kenderaan ditelenggami air. Air surut dalam masa 30 minit kemudian dan keadaan lalu lintas kembali seperti sedia kala. Daripada kejadian ini, didapati bahawa kolam takungan banjir di Universiti Malaya tidak diselenggara, *diluting* dengan sempurna. Pembangunan pesat di kawasan Universiti Malaya telah menjana jumlah air larian hujan yang tinggi dan tidak dapat menampung kapasiti aliran air hujan semasa.

#### ■1500

Kerja penyelenggaraan semasa. Bagi kawasan Jalan Tuanku Abdul Halim-Jalan Duta pula, longkang-longkang telah pun dibersihkan pada 2 Mei dan 3 Mei yang lepas itu mengikut jadual kekerapan sekali sebulan manakala pembersihan longkang-longkang terakhir sebelum kejadian itu berlaku di Jalan Pantai Baharu pula adalah pada 20 April 2016. Pembersihan sapuan jalan juga telah dilakukan setiap hari di kawasan Jalan Tuanku Abdul Halim dan Jalan Pantai Baharu. Tahap kebersihan dan pengurusan sisa pepejal semasa kejadian banjir juga adalah memuaskan iaitu mengikut skop tugas dan frekuensi kerja syarikat konsesi.

Tindakan susulan. Berikutan kejadian banjir kilat di Jalan Tuanku Abdul Rahman-Jalan Duta, paip AMCO 3.9 x 2.4 meter sedia ada di Taman Botani Perdana sepanjang 50 meter daripada *culvert* ke kota 5.5 x 3 meter yang mempunyai ukuran yang lebih besar telah diganti. Di samping itu, kolam takungan banjir juga perlu dibina bersebelahan dengan Jalan Tuanku Abdul Halim selain membina *culvert* mengatasi Lebuhraya Sultan Iskandar sehingga ke Taman Botani Perdana.

Manakala di Jalan Pantai Baharu Universiti Malaya pula, pihak Universiti Malaya diminta menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan kolam takungan banjir dengan segera. Pihak DBKL akan mempertingkatkan sistem saliran jajaran Sungai Anak Air Batu dan Sungai Pantai sehingga ke Sungai Klang dengan mengadakan sistem pam di pertemuan Sungai Pantai dan Sungai Klang supaya kapasiti sistem perparitan di tadahan ini dapat menampung air hujan melebihi 70 milimeter.

Pihak DBKL juga menaiktarafkan sistem koordinasi antara pihak *Traffic Management Centre* (TMC), ITIS dengan Bilik Gerakan Bantuan Bencana Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi menangani masalah kesesakan trafik serta mengelakkan kenderaan daripada memasuki kawasan yang dinaiki air. Selain itu, lencongan atau *diversion traffic* di kawasan *hotspot* banjir juga akan dilakukan oleh petugas trafik bagi mengelakkan kenderaan memasuki kawasan yang dijangka akan ditenggelami air.

Kementerian Wilayah Persekutuan berpandangan bahawa pihak SWCorp, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) perlu mengkaji semula kekerapan pembersihan dan pencucian longkang awam serta sistem perparitan bandar khusus semasa hujan dan tengkujuh. Ketika ini, beberapa pencucian longkang sebulan sekali.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Boleh minta penjelasan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Segambut.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** *Can I just finish,* benarkan saya habis lepas itu saya jawab soalan-soalan juga jika ada soalan yang dikemukakan.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Implikasi kewangan. Bagi kerja-kerja mengganti paip AMCO sedia ada di dalam Taman Botani Perdana dan membina kolam takungan banjir dan *culvert* berhampiran Jalan Tuanku Abdul Halim, Lebuhraya Sultan Iskandar dan jalan susur ke Parlimen akan memerlukan kos yang dianggarkan sebanyak RM35 juta. Bagi mengatasi masalah banjir kilat di Jalan Pantai Baharu Universiti Malaya, kerja-kerja mendalamkan dan menaik taraf kolam takungan banjir di universiti berkenaan serta membina rumah pam di pertemuan Sungai Pantai dan Sungai Klang memerlukan kos yang dianggarkan sebanyak RM50 juta.

Selanjutnya sebanyak RM2 juta diperlukan bagi membuat lencongan trafik dengan mengadakan sistem dan peralatan untuk makluman kepada orang ramai dan pihak-pihak yang terlibat serta kemudahan-kemudahan untuk *Rapid Development Mechanism*. Ini bertujuan untuk mewujudkan sistem komunikasi sebelum berlakunya banjir kilat. DBKL memerlukan RM5 juta bagi menaiktarafkan sistem koordinasi di pihak *Traffic Management Centre* (TMC), ITIS, CCTV dan *wall screen* dipasang serta digabungkan talian optik dari ITIS ke Bilik Gerakan Bantuan Bencana Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur secara *real time* bagi tujuan pemantauan petugas. Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Segambut.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak pasti apa punca yang telah dijawab oleh Timbalan Menteri mengenai punca banjir kilat ini. Apa yang saya dengar seolah-olah sumbat punca yang pertama, kerosakan pam punca yang kedua. Ada betul kah?

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Boleh saya tanya soalan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat hendak jawab dahulu atau hendak dengar celahan daripada Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan?

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Saya hendak tanya sebab banyak penduduk saya terlibat juga kerana mereka melalui Bangsar melalui UM dan saya rasa memang kecewalah perkara ini berlaku dan terus berlaku walaupun usaha telah dijalankan. *There must be something wrong*. So saya hendak tanya *SMART Tunnel* ini, adakah semasa ketika banjir kilat ini, *SMART Tunnel* yang kita belanja lebih kurang RM2.6 bilion ini kalau tak silap, adakah ia berfungsi dan sepanjang dua tiga tahun ini, saya tak nampak ada penutupan *SMART Tunnel* ini untuk bagi air menyusur keluar ke tasik.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Segambut dan terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Selatan.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Petaling Jaya Selatan, okey. Yang Berhormat, tadi jawapan bagi Yang Berhormat Segambut, kita telah lihat *cause* atau sebab-sebab atau punca-punca berlaku banjir kilat, salah satunya jumlah hujan yang turun. Saya telah bagi tahu tadi bahawa kita dapat satu *reading*, dengan izin, sebanyak 106.5 milimeter pada hari itu. Penurunan hujan ini adalah melebihi tadahan yang kita sedia ada pada 70 milimeter. Biasanya kita sediakan longkang untuk 70 milimeter hujan.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Maksudnya ini satu bencana alam yang tidak boleh dielakkan?

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Betul. Ini adalah disebabkan oleh *act of God*, ini bukan kita hendak bagi tuang air. Okey, bagi soalan yang kedua ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kena ada bajet tambahan untuk takunganlah.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Ya, itulah yang kita telah mohon Tuan Yang di-Pertua. Kita telah mohon kepada kerajaan supaya kita dapat menyediakan penaikan taraf untuk membuktikan kerja-kerja ini tidak akan mengganggu lagi orang ramai. Banjir kilat ini, bila kita katakan banjir kilat memang dia banjir kilat, *it's not something that happens over time* dia *all of a sudden*. Dengan izin, *all of a sudden*. Dengan tiba-tiba dia berlaku, secara tiba-tiba. Itulah yang dikatakan banjir kilat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kalau Kuala Lumpur dia tidak ada musim banjir, dia memang banjir kilat kan?

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sentiasa banjir kilat? Ada musim tengkujuh ke Kuala Lumpur?

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Ada juga Tuan Yang di-Pertua. Ada, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Istilah dia banjir kilat?

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** ...Ada musim tengkujuh, ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** So kena *precaution* kalau ibu kota banjir kilat.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Musim tengkujuh ada. Akan tetapi kalau kata ada musim banjir tak adalah tetapi kalau kata tengkujuh ada. Masa tengkujuh ada di Kuala Lumpur, ada tetapi banjir tak adalah kerana sistem perparitan kita bagus Tuan Yang di-Pertua. Sistem yang kita sedia ada ini bagus, kita memang efisien.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baik, maknanya pengawasan kita terhadap persiapan menghadapi banjir kilat?

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Yes. Kita siap sedia tetapi pada kali ini jumlah penurunan hujan ini *is more than what we expected* dan kita sediakan untuk 70 milimeter, kita dapat satu hujan yang berukuran 106.5 milimeter.

Kedua, semua sistem yang sedia ada ini tidak dapat menadah penurunan hujan begitu. Oleh itu sebabnya bila hujan turun cepat, banjir naik dan ia surut cepat. *So this is a proof factor that it is not due to any mishandling or there is no maintenance*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

So kita memang tahu benda ini berlaku secara tiba-tiba dan kita tidak mempunyai mekanisme-mekanisme yang sedia ada untuk membantu keadaan macam ini. Oleh yang demikian, kita telah membuat satu permohonan dan laporan kepada Jemaah Menteri supaya kita dapat satu kelulusan untuk membantu DBKL dan Kementerian Wilayah Persekutuan untuk menaiktarafkan kawasan-kawasan yang memerlukan bantuan ini.

■1510

Itulah sebab kita perlu menukar *pipe anchors*, kita kena ada sediakan satu lagi pam di persimpangan jalan Sungai Pantai dengan Sungai Anak Air Batu. Kita perlu sediakan pam ini dan kita juga kena sediakan tempat-tempat takungan lagi supaya kita dapat menyelesaikan masalah ini. Pada soalan...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** [*Bangun*].

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Boleh saya habiskan dahulu? Bagi soalan Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan pula, apakah yang terjadi dengan SMART Tunnel? SMART Tunnel disediakan untuk Sungai Klang dengan Sungai Ampang, bukan di kawasan yang berlaku banjir kilat kali ini. Kalau Yang Berhormat semua bawa kereta sepanjang Jalan Sultan Tuanku Abdul Halim itu, kita lihatlah tanah itu memang kita sedang memperbesarkan parit-parit di jalan itu.

Kita sedang jalankan tugas-tugas menaik taraf seperti mana Yang Berhormat Lembah Pantai tadi bincang, kenapa ambil masa yang lama. Kita ada proses dan ada juga yang sedang dalam pembinaan dan bagi Jalan Tuanku Abdul Halim ini, memang kita akan siap dalam bulan Ogos tetapi malangnya banjir kilat ini berlaku sebelum masa itu.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** [*Bangun*].

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** [*Bangun*].

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Dua yang bangun, yang manakah satu?

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Bagi Yang Berhormat Segambut dahulu.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Sedikit sahaja. Jadi dakwaan Timbalan Menteri bahawa banjir kilat ini mungkin terlibat elemen rasuah ini tidak benar?

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Yang Berhormat, jangan main dengan perkataan. Ini tidak baik. Dia kata, mungkin ada. Dia tidak dakwa, dia kata kemungkinan ada elemen korupsi. Kita akan siasat dan kalau kita dapat elemen korupsi ini dibuktikan, sudah tentu kita akan ambil tindakan. Akan tetapi ini tidak bermakna dia telah katakan memang ada ataupun sudah ada korupsi yang berlaku, fasal itulah benda ini berlaku, tidak. Ini kemungkinan. Kemungkinan, *possibility*. Yang Berhormat, *possibility*. *You understand the meaning of possibility?*

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Kemungkinan itu masih wujud atau sudah... [*Ketawa*]

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Kita perlu kaji dan kita perlu siasat sebelum kita boleh beritahu ada atau tidak ada. Bagi sekarang, kita sedang buat kerja-kerja untuk mengatasi masalah dahulu, selepas itu kita akan siasat. Kalau siapa yang tidak bertanggungjawab itu, kita akan carikan jalan apakah yang berlaku sebenarnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih atas jawapan yang diberikan. Berkait daripada apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, tentang kajian yang akan dilakukan oleh SW Corp. berkait dengan sistem perparitan dan sebagainya. Saya rasa terbaik sekiranya diberikan salinan kepada Parlimen kerana kajian-kajian sebegini saya faham akan diberikan kepada Jemaah Menteri, tetapi bagi menjawab kebanyakan persoalan termasuklah dalam menangani persepsi kemungkinan berlakunya rasuah.

Ini kerana bila masa disebut, saya faham *it is not proven yet, I understand*, dengan izin. Akan tetapi bila masa disebut, tentu mewujudkan persepsi bahawa di Kuala Lumpur ini ada berlaku rasuah dan sebagainya. Jadi sebaik mungkin bila masa dibekalkan kepada Ahli Parlimen, maka mudahlah untuk kami memberikan komunikasi sewajarnya kepada pengundi. Itu satu.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanyakan kepada Yang Berhormat juga, kolam takungan bila berkait tentang penaiktarafan, kolam takungan di Universiti Malaya itu adakah ini bermaksud bahawa kolam takungan tersebut hanya mampu menangani hampir 70 milimeter sahaja, bukannya seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi 100 lebih. Adakah ini bermaksud ataupun ia tidak diselenggara dengan baik oleh pihak universiti? Itu juga persoalan yang saya ingin bangkitkan.

Ketiga, isu sistem komunikasi kerana sebentar tadi Yang Berhormat menyebut ada 13 buah kolam takungan bawah JPS, 13 lagi bawah DBKL. Menerusi Transit Management Centre termasuklah *linkage* dengan ITS dan *real time basis*, adakah ini bermaksud ada *one-stop centre* yang melihat kepada semua jaringan berkait dengan isu menangani banjir kilat. Jadi tidak lagi timbul kolam ini bukan bawah DBKL, jadi susah untuk memantau perkembangan penjagaan dan pemuliharaan. Adakah ini bermaksud akan berlaku satu penyatuan daripada segi pemantauan kerja-kerja sedemikian?

Terakhir Yang Berhormat tidak sebut tadi, saya hendak tanyakan kebarangkalian pindaan undang-undang kerana saya sebutkan tadi, kalau PBT lain selalunya mereka tidak dilindungi seketat DBKL. *I mean it is really to be fair other PBTs* terpaksa menjawab dan *you know* memberi *response*, membayar pampasan dan sebagainya. Akan tetapi juga tindakan terhadap projek besar seperti MRT. Saya fikir DBKL harus perketatkan tindakan kepada pemaju dan kontraktor di seluruh Kuala Lumpur kerana tentunya bila masa mereka merasakan langsung tidak ditekan, *I mean that is your job*.

*I think we will be more than happy to support kalau DBKL membawa to make an example of any particular developer. I know for example di Lembah Pantai, di Bangsar itu projek MRT dengan kemalangan yang wujudnya dan sebagainya, it can be improved dengan izin. Saya pohon. Terima kasih.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Indera Mahkota.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Sedikit sahaja... *[Disampuk]* Saya sedikit sahaja, saya hendak puji Timbalan Menteri ini. Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendengar penerangan, penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menyatakan bahawa pada hari itu 165 milimeter hujan turun dalam tempoh 1 hari dan saya *calculate equivalent to 6 inches of rainfall*. Saya duduk di Kuantan, saya terkena juga hari yang banjir itu. Saya terkena. Saya hendak keluar Kuantan, saya kena 1 jam setengah hendak keluar dari bandar ke Tol Gombak dan 2 jam saya telah sampai di Kuantan.

Saya hendak kata ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dia bagi jawapan, saya puas hati. *It is an unusual rate of rainfall*, dengan izin. Nilai 6 inci adalah lebih daripada apa yang berlaku di Musim Tengkujuh di Pahang.

Akan tetapi mintalah jangan ada orang hebat-hebat dalam kementerian yang jawab kerana longkang tersumbat, banyak sangat rumput, banyak sangat lalang. Saya ingat satu jawapan yang hendak kata bodoh tidak boleh pula, yang tidak cerdik. Ini yang menimbulkan keyakinan terhakis kepada pihak pemerintah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Ini hanya satu permintaan. Memandangkan kerusi Yang Berhormat Pekan, Timbalan Perdana Menteri Yang Berhormat Bagan Datok ada, tetapi mengapa Ketua Pembangkang tidak ada satu Kerusi Khas di depan ini? So, saya minta mohon supaya Tuan Yang di-Pertua supaya mempertimbangkan satu Kerusi Khas untuk Ketua Pembangkang *[Tepuk]*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Saya akan maklumkan kepada Tan Sri Speaker. Terima kasih atas pandangan dan cadangan. Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada 13 minit lagi.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan-soalan ataupun penjelasan-penjelasan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai yang pertama, berkenaan dengan kajian. Seperti permintaan untuk diberi kepada Ahli-ahli Parlimen, saya akan kemukakan benda ini kepada Yang Berhormat Menteri supaya dibawa ke Jemaah Menteri untuk diberikan salinan. Berkenaan dengan pemantauan dengan kerja-kerja yang dijalankan, memang sudah tentu kita ada skop SOP sedia ada untuk kita jalankan kerja-kerja ini.

Kita telah membuat keputusan untuk membawa semua kawalan ini di bawah satu *centre*, so *that* itu yang dipanggil Pusat Kawalan Bencana Wilayah Persekutuan supaya kita dapat memberi penerangan kepada rakyat dengan secara *real time* dan juga mengambil tindakan-tindakan sebagai *on real time* daripada kita membuang masa melihat.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** *Ya, on real time. So that what we are at the moment working on, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Pada soalan pampasan, tunggu sekejap saya akan sampai. Sabar, saya jawab, Sabar. Sabar ya Yang Berhormat.*

Bagi soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Segambut tadi, MACC pun telah mohon membuat lawatan tapak. *So don't worry, we are an efficient government and we are a transparent government. Be patient. Just be patient.*

Bagi soalan undang-undang pula. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan undang-undang ini, kita ada peruntukan dalam undang-undang *taught* bahawa *act of God cannot carry liabilities*. Kalau kita gunakan *act of God*, saya tidak boleh kawal 70 milimeter penurunan hujan dengan 106.5 milimeter penurunan hujan. *So that is why we say it is an act of God and you cannot punish anybody from act of God.*

#### ■1520

Kalau kita ada di bawah kuasa kita, dapat kawal hujan, dapat kita kawal kekuatan angin dan sebagainya, kita dapat boleh dipertimbangkan. Walau bagaimanapun, hak untuk pergi ke mahkamah, untuk mendapat sesuatu keputusan perundangan, semua rakyat berhak. *So they can go and try as you say dengan izin, you can try. If we were asked to pay, we will pay. Otherwise we have enough laws to look after that needs. In the case of tempat-tempat, kalau benda-benda yang berlaku kerana kecuaiian dan sebagainya. DBKL mempunyai insurans sendiri untuk membayar ganti rugi dalam hal-hal sebegitu. Saya berharap Yang Berhormat ini faham maksud *act of God and kecuaiian. Kecuaiian is lain, act of God is lain.**

Juga kepada Yang Berhormat tadi. Yang Berhormat, bila kita bagi jawapan kepada Yang Berhormat Indera Mahkota tadi, Yang Berhormat kata jangan bagi jawapan rumput bangun dan sebagainya. Kita tidak beritahu. Ini semua perbuatan orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Kalau memang ada benda yang tidak betul seperti kalau ada longkang yang tersumbat, kami akan mengakui bahawa longkang itu tersumbat dan itulah sebab berlakunya sesuatu.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau hujan turun enam inci dalam satu hari, longkang macam mana pun tidak boleh *take the water*.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Terima kasihlah.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Soalan itu- *but don't give stupid answers to the public* mengatakan ini kerana longkang tersumbat, banyak sangat tanah, banyak sangat...

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Saya rasa...

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Ada, ada jawapan itu tetapi saya tidak mahu sebut nama.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Tidak ada. Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat, ini tidak betul ini. Daripada masa pertama pada awal berlakunya banjir kilat sampai ke hari ini, kami masih menyatakan kepada semua pihak bahawa jumlah hujan yang turun pada hari itu adalah melebihi had biasa. Apa yang timbul dari sini kawasan-kawasan yang tersumbat, macam kolam takungan di Universiti Malaya itu tidak diselenggara dengan baik, memang ada tetapi kita telah mengumumkan daripada awal, *it was an extra ordinary rainfall, that is on record.*

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Lagi satu tadi kata Yang Berhormat Menteri minta maaf. Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan ini dia prihatin terhadap rakyat. Oleh sebab berlaku sesuatu musibah macam ini terhadap rakyat, dia sendiri rasa kasihan, dia bertanggungjawab.

So dia akan lakukan segala-galanya di bawah kuasanya untuk memastikan benda-benda ini tidak berulang tetapi dia bukannya malaikat ataupun tuhan untuk membetulkan keadaan *act of God* Yang Berhormat Segambut, okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup dalam perbahasan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) ini. Dengan demikian, saya tutup perbahasan ini. Terima kasih.

## **UCAPAN DI BAWAH USUL** **BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

### **Mengkaji Semula Fungsi GLC**

#### **3.23 ptg.**

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang ke Bakri untuk ucapan penanguhan. Ucapan penanguhan tajuknya ialah adakah kerajaan bersedia untuk mengkaji semula fungsi GLC.

Menurut Pekeliling Perbendaharaan, sebanyak 10% keuntungan GLC dalam bentuk dividen selepas cukai sepatutnya dipulangkan kepada kerajaan termasuk Kerajaan Persekutuan dan negeri. Malahan terdapat banyak GLC sama ada Persekutuan atau negeri tidak memulangkan keuntungan kepada Perbendaharaan Kerajaan seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan, atau tidak diaudit dengan teliti.

Namun tujuan penubuhan GLC untuk menambah hasil pendapatan kerajaan secara hasil bukan cukai telah gagal. Jadi disebabkan pulangan GLC kepada kerajaan cuma dikuatkuasakan melalui pekeliling yang kurang efektif tanpa kewajipan undang-undang bagi sebarang GLC memulangkan keuntungan kepada kerajaan sebenarnya.

Oleh itu, saya mencadangkan supaya pulangan GLC dikuatkuasakan melalui Akta Parlimen yang berkuat kuasa kewajipan undang-undang. Justeru isu ekonomi berasaskan kapitalisme kroni telah menjejaskan imej dan daya saing Malaysia. Majalah *The Economist* telah menentukan Malaysia sebagai nombor kedua *Index Capitalism Crony* di mana sektor kroni memperoleh 13% KDNK. Malaysia sepatutnya mencontohi India di mana sektor kroni telah menurun dari 18% KDNK pada tahun 2008 kepada 3% sekarang yang setaraf dengan Australia.

Maka GLC sebenarnya mengenakan liabiliti kepada perkembangan ekonomi Malaysia untuk memperbaiki daya saing Malaysia. Tiba masanya mengkaji semula fungsi-fungsi GLC. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

### 3.26 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan Diperbadankan yang dilancarkan pada 16 Disember 2014. Penetapan dasar pembayaran dividen syarikat MKD tanggungjawab lembaga pengarah syarikat masing-masing. Selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 365(1) Akta Syarikat 1965, semua bayaran dividen hendaklah dibuat daripada keuntungan sahaja.

Walau bagaimanapun kerajaan melalui MKD boleh menetapkan kadar dividen minimum yang perlu dibayar oleh syarikat berdasarkan beberapa faktor. Antaranya bergantung pada keadaan ekonomi semasa, kemampuan kewangan syarikat dan keuntungan tahunan yang diperolehi oleh syarikat. Bagi tahun 2015, MKD telah menetapkan kadar pembayaran dividen syarikat MKD adalah antara 10% sehingga 50% daripada keuntungan selepas cukai yang ditetapkan berdasarkan kepada kedudukan kewangan dan kemampuan semasa syarikat.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, walaupun matlamat utama sesuatu pelaburan adalah untuk memaksimumkan pulangan kepada pemegang saham, namun pelaburan syarikat dalam syarikat MKD dan GLC juga adalah bertujuan untuk memenuhi jurang pasaran, dengan izin, *market gap*. Menyediakan khidmat sosial kepada rakyat seperti perkhidmatan pengangkutan awam, kereta api, bas dan sebagainya. Utiliti seperti bekalan air dan elektrik dan meneroka industri baharu yang berpotensi seperti aeroangkasa serta merangsang pertumbuhan ekonomi bagi menarik lebih banyak pihak swasta melabur dalam aktiviti yang berisiko tinggi dan strategik seperti aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan, bioteknologi dan teknologi maklumat dan komunikasi.

Oleh itu pulangan berbentuk kewangan bukanlah objektif pelaburan kerajaan semata-mata. Kerajaan juga melihat kepada pulangan berbentuk bukan kewangan seperti *spill over effect* kepada ekonomi negara dan faedah yang diperolehi oleh rakyat.

Berdasarkan *The Global Competitiveness Report 2015* hingga 2016, Malaysia mencatatkan kedudukan ke-18 iaitu meningkat sebanyak dua anak tangga berbanding laporan tahunan sebelumnya. Laporan ini menunjukkan bahawa *Index Capitalism Crony* yang dikeluarkan oleh *The Economist* tidak menggambarkan kedudukan yang sepatutnya. Bahkan terdapat negara yang berada dalam senarai *Index Capitalism Crony* yang lebih baik tidak dapat mengatasi Malaysia daripada indeks persaingan. Terima kasih.

### **Masalah Banjir Kilat di Taman Bukit Emas, Senawang**

**3.29 ptg.**

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas peluang memberi saya untuk menyampaikan ucapan penangguhan mengenai masalah banjir kilat yang telah menghantui penduduk Taman Bukit Emas, Senawang melebihi 20 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kerajaan yang bertanggungjawab akan sentiasa memastikan segala dasar dan projek yang dilaksanakan membawa kesejahteraan kepada rakyat. Selain itu, sebagai kerajaan yang bertanggungjawab dan mengutamakan rakyat, haruslah sentiasa meneliti masalah yang dihadapi oleh rakyat dan cuba mencari jalan penyelesaian untuk memastikan nasib rakyat terjamin.

■1530

Masalah banjir kilat yang sering berlaku di Taman Bukit Emas, Senawang bukanlah masalah yang baru timbul. Ia telah wujud sejak 22 tahun dahulu. Setiap kali hujan lebat, kawasan tersebut akan dilanda banjir kilat dan banjir lumpur.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, walaupun isu ini sudah banyak kali dibangkitkan oleh saya di Dewan Rakyat sejak tahun 2013 dan rakan-rakan saya di dalam Dewan Undangan Negeri Sembilan sejak 2008, tiada tindakan yang segera diambil oleh pihak kerajaan.

Walaupun pihak kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM1.7 juta untuk menaik taraf perparitan di situ dan projek tersebut dijanjikan akan disiapkan pada 7 Jun 2016, tetapi nasib amat malang sekali sehingga sekarang tiada sebarang kerja-kerja menaik taraf dijalankan. Penduduk di situ cuma dapat melihat bahan-bahan pembinaan yang tersadai di tepi jalan Taman Bukit Emas melebihi setengah tahun.

Ramai yang tinggal di situ merupakan warga emas. Tiap-tiap kali banjir kilat, mereka terpaksa membersihkan rumah mereka tanpa sebarang bantuan daripada pihak kerajaan.

Jadi saya amat berharap pihak kerajaan dapat mengambil tindakan yang segera untuk menyelesaikan masalah penduduk di Taman Bukit Emas agar harta dan keselamatan mereka terjamin. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

### 3.32 ptg.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Rasah. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran sememangnya telah mengambil maklum berhubung kejadian banjir yang telah sekian lama berlaku di Taman Bukit Emas, Senawang seperti yang disebutkan tadi.

Daripada segi pentadbiran kerajaan, kawasan yang terlibat ini adalah di bawah kawasan pembangunan dan penyelenggaraan PBT yang berkaitan. Kawasan ini kawasan tanah berbukit dan daripada segi profil fizikal aliran air yang melalui kawasan ini deras disebabkan kecerunan laluan air menuruni bukit tersebut.

Adalah diketahui umum, Taman Bukit Emas ini sebuah taman yang telah lama dibuka dan reka bentuk laluan air longkang monsun sedia ada ketika itu tidak mengambil kira kesan pembangunan pada masa ini terutamanya dari Taman Senangin di hulu ataupun *upstream* di kawasan yang terlibat.

Apa yang berlaku ialah longkang monsun sedia ada tidak dapat menampung keadaan alir air yang mendatang dari hulu dan menyebabkan air dari longkang tersebut melimpah dan mengakibatkan banjir di kawasan terlibat itu iaitu rumah-rumah di sekitar aliran longkang tersebut. Ini maksudnya punca banjir.

Tindakan yang dilaksanakan adalah untuk jangka masa pendek. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengaliran dan Saliran telah berbincang dengan PBT yang berkaitan dan dimaklumkan beberapa tindakan daripada pihak PBT telah pun dibuat bagi mengatasi masalah ini. Kerajaan yang prihatin mengenai kesusahan yang dialami oleh rakyat telah memperuntukkan sejumlah peruntukan besar melalui PBT berkaitan bagi menyelesaikan masalah yang timbul yang menjadi keresahan rakyat sekian lama seperti yang disebutkan tadi.

Usaha ini dibuktikan melalui projek cadangan menaik taraf longkang dan kerja-kerja berkaitan di Taman Bukit Emas, Seremban yang dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Seremban sejak tahun 2015. Antara komponen projek tersebut adalah mematuhi garis panduan MSMA (Manual Saliran Mesra Alam) yang ditegaskan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran seperti pembinaan kolam takungan bagi memperlahankan aliran air yang memasuki alur selepasnya.

Untuk projek ini, melalui inisiatif Majlis Perbandaran Seremban sendiri walaupun tanpa merujuk kepada ulasan JPS, sebuah kolam takungan telah dibina di hulu kawasan banjir bagi mengurangkan kesan banjir yang sering berlaku. Sesungguhnya projek ini melibatkan kerja menaik taraf dan pembesaran semua longkang monsun yang terlibat daripada pelbagai saiz alur yang kecil kepada alur yang bersaiz lebih besar.

Dalam projek tersebut, semua alur yang digunakan mempunyai kelebaran tiga meter dalam pelbagai bentuk sama ada 'U', 'L', *shaped rail* dan *box culvert*. Walau bagaimanapun, kelancaran projek tersebut telah terganggu apabila sebahagian jajaran longkang ini perlu melalui sebuah kawasan tanah milik pemaju dan sekarang perbincangan sedang dilakukan dengan pemaju yang terlibat. Maknanya perbincangan sedang dalam proses berbincang.

Justeru, sijil perakuan siap dan pematuhan ataupun CCC untuk pemaju terlibat telah ditangguhkan sehingga pemaju menyerahkan tanah untuk laluan pembinaan longkang monsun tersebut kerana air larian daripada projek pemaju tersebut juga akan memasuki jajaran tersebut, jajaran yang terlibat. Apabila satu pakatan yang terbaik telah berjaya, *insya-Allah* diperoleh di antara PBT dan pemaju yang terlibat, kerja-kerja akan disambung dengan kadar segera. Sekarang belum lagi dapat dilaksanakan kerana perbincangan masih dibuat. Pihak pemaju yang sedia ada yang terlibat belum dapat menyerahkan tanah tersebut.

Selain itu, bagi mengatasi masalah banjir yang berlaku, kerjasama semua pihak terutamanya PBT dalam pengurusan aliran air ribut ataupun *storm water* adalah amat diperlukan. PBT perlu menyokong ulasan JPS dalam meluluskan apa-apa pelan pembangunan yang dikemukakan untuk kelulusan. Pihak pemaju juga perlu sama-sama dipertanggungjawabkan dalam pengurusan aliran air ribut atau *storm water* dengan pematuhan kepada apa-apa syarat yang ditetapkan atau yang telah ditetapkan oleh PBT.

Pemaju juga disarankan untuk mengambil tanggungjawab dalam menyediakan infrastruktur saluran dalam projek-projek yang dijalankan. Seterusnya, apa-apa pembangunan baru juga perlu mematuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh JPS melalui garis panduan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) dengan sepenuhnya dan dipantau dengan rapi oleh PBT. Sekian, terima kasih. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Rabu, 25 Mei 2016.

**[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 3.36 petang]**